

BIMB CATAT PBZT KUMPULAN RM704.2 JUTA BAGI TK2021

SOROTAN UTAMA

- Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat Kumpulan ("PBZT") susut 3.3% y-o-y ke RM704.2 juta.
- Pulangan Ekuiti Bersih ("ROE") 8.4% dan Perolehan Sesaham ("EPS") 21.87 sen.
- Pembiayaan Kasar meningkat 6.5% y-o-y kepada RM59.2 bilion.
- Kedudukan modal sihat dengan Nisbah Jumlah Modal 18.6%.
- Seramai 4,765 penerima mendapat manfaat menerusi instrumen kewangan sosial Islam pada 2021.

KUALA LUMPUR, Isnin, [28 Februari 2022]: Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB" atau "Kumpulan") mengumumkan PBZT sebanyak RM704.2 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 ("TK2021"), susut 3.3% tahun ke tahun ("y-o-y"). Penurunan PBZT disebabkan terutamanya oleh pendapatan bukan berasaskan dana lebih rendah dan perbelanjaan operasi lebih tinggi.

Pendapatan bukan berasaskan dana menurun RM175.5 juta bagi TK2021, sebahagian besar disebabkan oleh pendapatan pelaburan lebih rendah, khususnya laba bersih lebih rendah daripada penjualan kertas pelaburan.

Pengurangan ini telah diimbangi oleh kerugian modifikasi lebih rendah berikutan penyediaan moratorium pembiayaan kepada pelanggan. Kumpulan mengiktiraf kerugian modifikasi sebanyak RM48.9 juta bagi tempoh dalam tinjauan berbanding RM136.4 juta pada tahun sebelumnya.

Prestasi Kumpulan untuk TK2021 diterjemahkan kepada nilai EPS 21.87 sen dan ROE sebanyak 8.4% (selepas cukai dan zakat).

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2021 ("4Q2021"), BIMB mencatatkan PBZT sebanyak RM76.4 juta, lebih rendah berbanding 4Q2020 (RM201.9 juta) yang mana sebahagian besarnya disebabkan unjuran pembiayaan terjejas dan pendahuluan lebih tinggi pada suku tersebut. Nisbah pembiayaan terjejas kasar BIMB adalah 0.96% setakat 31 Disember 2021 (FY2020: 0.67%). Prestasi itu kekal lebih baik daripada purata industri sebanyak 1.44%.

Setakat 31 Disember 2021, Nisbah Jumlah Modal Kumpulan kekal kukuh pada 18.6%, seterusnya menyediakan penimbal yang mencukupi untuk menyerap kerugian dan menyokong pertumbuhan perniagaan.

Jumlah aset Kumpulan meningkat sebanyak 7.4% y-o-y untuk berada pada RM80.2 bilion pada akhir 31 Disember 2021, manakala aset bersih sesaham berada pada RM3.08.

Pembiayaan kasar meningkat sebanyak 6.5% y-o-y kepada RM59.2 bilion, sementara deposit pelanggan dan akaun pelaburan berada pada RM67.8 bilion dengan peningkatan y-o-y sebanyak RM4.3 bilion atau 6.8%. Jumlah komposisi akaun semasa, simpanan dan akaun pelaburan transaksional ("CASATIA") berada pada aras sihat 39.6% daripada jumlah pelanggan deposit dan akaun pelaburan.

Segmen Operasi

Perbankan Pengguna mencatatkan pendapatan bersih RM1.2 bilion untuk TK2021, 13.4% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. Sebahagian besar prestasi itu disumbangkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi. Pembiayaan kasar untuk Perbankan Pengguna pada akhir Disember 2021 adalah RM44.5 bilion, meningkat sebanyak 7.5% y-o-y, didorong terutamanya oleh pertumbuhan dalam pembiayaan rumah.

Perbankan Korporat dan Komersial merekodkan pendapatan bersih RM415.6 juta, meningkat sebanyak 6.5% dari tahun sebelum, disumbangkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi. Jumlah pembiayaan kasar bagi segmen tersebut berjumlah RM14.7 bilion.

Perbendaharaan mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM241.4 juta bagi tempoh tersebut, susut 47.1% berbanding tahun sebelumnya, sebahagian besar disebabkan oleh keuntungan bersih lebih rendah daripada penjualan nilai saksama aset kewangan melalui pendapatan komprehensif lain. Aset segmen tersebut berada pada RM20.0 bilion.

Tinjauan Keseluruhan Kumpulan

Ekonomi dijangka pulih pada tahun 2022 berikutan aktiviti ekonomi domestik yang kembali normal secara beransur-ansur susulan kadar vaksinasi lebih tinggi dan kelonggaran sekatan ke atas kapasiti pengeluaran yang akan menyokong pengembangan Keluaran Dalam Negara Kasar di samping peningkatan perdagangan global.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Pembukaan semula ekonomi Malaysia pada Q3 2021 telah menunjukkan kesan positif ke atas kualiti aset kami, terbukti melalui penurunan mendadak dalam jumlah akaun di

bawah program bantuan pembayaran kami. Dari segi pelanggan runcit, permintaan untuk Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan ("URUS") adalah minimum. Sungguhpun demikian, Kumpulan akan terus menawarkan pelbagai jenis bantuan kewangan bagi menyokong keperluan pelanggan kami yang pelbagai."

Menyentuh mengenai prospek Kumpulan, Mohd Muazzam berkata, walaupun berdepan dengan persekitaran yang terus mencabar, Bank Islam akan kekal komited dalam mengukuhkan lembaran imbalan, mengekalkan kualiti aset yang kukuh dan meningkatkan lagi kecekapan kos.

Beliau berkata, "Dalam menerima perubahan yang dibawa oleh pandemik, Kumpulan akan terus melaksanakan transformasi digital untuk mengukuhkan pertumbuhan perniagaan jangka panjang."

Kumpulan komited untuk merealisasikan aspirasi lima tahunnya ("LEAP25") untuk menerajui penyelesaian pembiayaan lengkap Syariah-ESG. Ia berhasrat menyesuaikan tumpuan utama 2022 untuk mengukuhkan teras pemacu perniagaannya dan komited dalam pengurusan dan pengoptimuman kos. Sebagai sebuah entiti tersenarai baru, Kumpulan teguh dalam melaksanakan strategi sinergi Kumpulan, pendigitalan termaju dan mempertingkatkan usaha perkongsian strategik.

BIMB sentiasa peka untuk membantu masyarakat dengan memberikan impak positif pada kelangsungan hidup dan memenuhi keperluan mereka. Terbaharu, Bank Islam melancarkan Program Prihatin Banjir yang menawarkan permohonan pelepasan kewangan sehingga enam (6) bulan terhadap komitmen bulanan pelanggan pembiayaan yang terjejas akibat banjir buruk yang melanda beberapa kawasan di Malaysia. Bank Islam juga telah melanjutkan tempoh permohonan program tersebut sehingga 31 Julai 2022 bagi membantu pelanggan pulih daripada musibah yang melanda negara pada Disember 2021.

BIMB juga terus memberikan bantuan dalam memastikan kesejahteraan sosioekonomi negara dengan memastikan penjanaan pendapatan dan daya tahan kewangan perniagaan milik B40 dan asnaf yang berdepan kesan pandemik COVID-19 melalui penyediaan program pembiayaan mikro iTEKAD dan BangKIT kami.

Mohd Muazzam menambah, "Kami telah melepasi sasaran asal LEAP25 dengan memberi manfaat kepada 4,765 penerima melalui instrumen kewangan sosial Islam pada tahun pertama. Kami memainkan peranan untuk membantu rakyat Malaysia bangkit semula terutamanya dalam keadaan semasa yang mencabar. Kami juga bersedia untuk melakukan lebih banyak lagi demi kesejahteraan rakyat.

Biarpun berdepan dengan ketidakpastian, kami di Bank Islam percaya perniagaan ini akan terus berdaya tahan dengan komitmen kami untuk merealisasikan semua aspirasi dan strategi LEAP25."

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan BIMB di 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<p>Rohazida Mohamed Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: rohazidam@bankislam.com.my</p>	<p>Omar Atin Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: omar@bankislam.com.my</p>
---	---